

07 JUN 1999

DR MAHATHIR RASMIKAN MESYUARAT TAHUNAN PPP

KUALA LUMPUR, 7 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini merasmikan mesyuarat tahunan ke-46 Parti Progresif Penduduk (PPP) di Pusat Islam di sini.

Seramai kira-kira 3,200 perwakilan dan 600 pemerhati menghadiri mesyuarat sehari itu.

Beberapa pemimpin parti komponen Barisan Nasional dan diplomat asing turut hadir semasa perasmian mesyuarat itu.

Sejumlah 21 resolusi akan dibentangkan, antaranya ialah sokongan sepenuhnya terhadap kepimpinan Dr Mahathir.

--BERNAMA

AR RI